

Sejauh Mana Aliran Pengajian dan Keputusan Bahasa Inggeris di Peringkat Sekolah Menengah Mempengaruhi Prestasi Akademik Pelajar Pra-Diploma

Mohd Aidil Riduan Awang Kader¹, Suhanom Mohd Zaki^{2*}
& Nurhani Izzati Mohd Hanifah³

^{1,2,3}Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Jengka,
26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia
suhanom@uitm.edu.my
^{*}Corresponding Author

<https://doi.org/10.24191/gading.v27i0.445>

Received: 15 January 2024

Accepted: 20 February 2024

Date Published Online: 10 March 2024

Abstrak: Kajian ini mengkaji hubungan antara aliran pengajian di sekolah menengah dan keputusan Bahasa Inggeris Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan prestasi akademik pelajar dalam program Pra-Diploma Perdagangan. Seramai 121 orang responden daripada program Pra-Diploma Perdagangan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang Kampus Jengka telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Tinjauan soal selidik secara atas talian telah dijalankan dan analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis data dengan menggunakan perisian SPSS versi 28. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden mengambil aliran Perdagangan atau Ekonomi di sekolah menengah, namun tidak terdapat hubungan yang signifikan antara aliran tersebut dengan prestasi akademik bagi kursus Pengenalan kepada Perniagaan di peringkat universiti. Namun, hasil ujian Chi-Square menunjukkan hubungan yang signifikan antara keputusan Bahasa Inggeris SPM dan prestasi akademik bagi kursus Pengenalan kepada Perniagaan. Kebanyakan responden yang hanya memperolehi lulus dalam Bahasa Inggeris SPM juga mencapai prestasi yang rendah dalam kursus Pengenalan kepada Perniagaan di peringkat pra-diploma. Hal ini menunjukkan kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris dalam mencapai kejayaan akademik. Kajian ini memberikan pandangan yang lebih mendalam mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi akademik pelajar Pra-Diploma Perdagangan, dengan penekanan khusus kepada aspek Bahasa Inggeris. Implikasi kajian ini dapat membantu universiti untuk meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran serta menyokong pelajar yang menghadapi cabaran dalam penguasaan Bahasa Inggeris.

Katakunci: Aliran Pengajian, Keputusan Bahasa Inggeris, Pengenalan kepada Perniagaan, Pra-Diploma Perdagangan, SPM

Pengenalan

Program pra-diploma merupakan program bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperoleh keputusan minimum untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi. Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menerajui inisiatif program ini sejak 2010 dengan memperkenalkan program Pra-Diploma Pengajian Tinggi (dahulunya dikenali sebagai Mengubah Destini Anak Bangsa) yang menyasarkan masyarakat miskin (kumpulan B40) (Mohd Zain, 2020). Program ini selari dengan objektif universiti dalam memperluaskan akses pendidikan tinggi serta percaya bahawa seseorang individu itu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu dan penerapan nilai-nilai murni. Peluang pendidikan yang diberikan kepada pelajar pra-diploma

merupakan satu mekanisme yang membuka jalan khususnya kepada lepasan SPM yang tidak mencapai syarat asas Unit Pusat Universiti (UPU) bagi kemasukan ke universiti dan daripada keluarga dengan latar belakang kewangan yang rendah untuk melanjutkan pelajaran ke universiti dan seterusnya menyambung pengajian ke peringkat Diploma UiTM.

Salah satu program pra-diploma yang ditawarkan sejak awal penubuhan UiTM adalah Pra-Diploma Perdagangan. Memandangkan program ini tidak meletakkan syarat kemasukan untuk pelajar mempunyai asas pengetahuan dalam perniagaan di peringkat sekolah menengah dengan melihat kepada aliran yang berkaitan seperti Perniagaan, Perdagangan, maupun Ekonomi, semua calon boleh memohon program Pra-Diploma Perdagangan dengan mempunyai sekurang-kurangnya tiga kredit termasuk Bahasa Melayu, lulus Sejarah, Bahasa Inggeris, dan Matematik dalam SPM. Malah, pelajar yang berjaya menamatkan pengajian di peringkat pra-diploma boleh melanjutkan pengajian ke program diploma yang bersesuaian.

Kelayakan minima yang diperlukan untuk memasuki program ini mendorong pelbagai kajian dijalankan terhadap pencapaian akademik pelajar pra-diploma. Sebagai contoh, Julaihi et al. (2017) melaporkan seramai 18,665 (87%) pelajar lulus dan berjaya menamatkan pengajian manakala 2,841 (13%) pelajar gagal menamatkan pengajian. Dapatan kajian ini selari dengan Majid dan Johan (2018) yang mendapati hanya 67.2% pelajar Diploma Pengurusan Pejabat dan Teknologi dengan kelayakan kemasukan pra-diploma tamat tepat pada masanya berbanding 100% pelajar dengan kemasukan kelayakan lepasan SPM. Ini menunjukkan terdapat 32.8% graduan berlatarbelakangkan pra-diploma perlu menambah masa belajar sebelum berjaya memperoleh diploma. Prestasi berbeza antara pemegang pra-diploma dan SPM menunjukkan syarat kemasukan berbeza mempengaruhi pencapaian pelajar di peringkat pengajian tinggi.

Terdapat enam subjek wajib yang perlu diambil oleh pelajar di bawah program Pra-Diploma Perdagangan iaitu Matematik Intensif, Bahasa Inggeris untuk Pra-Diploma, Pengantar Pembangunan Insan, Pengenalan kepada Perakaunan, Kemahiran Belajar (*Study Skills*), dan Pengenalan kepada Perniagaan (MGT028). Subjek MGT028 direka untuk memperkenalkan pengetahuan asas perniagaan merangkumi konsep perniagaan, pengurusan, dan pemasaran. Ia akan menyediakan pelajar untuk mengikuti subjek-subjek dalam bidang yang berkaitan di peringkat diploma kelak. Pembelajaran subjek Pengenalan kepada Perniagaan memerlukan pelajar untuk memahami prinsip asas perniagaan, pengurusan perniagaan, persekitaran organisasi, dan aspek pemasaran dalam perniagaan. Memandangkan tidak keseluruhan kandungan subjek ini telah dipelajari di peringkat sekolah menengah, pelajar perlu mempunyai kaedah pembelajaran yang sesuai untuk memahami subjek ini dengan baik. Walau bagaimanapun, pemahaman yang berkesan dalam subjek ini dipengaruhi oleh beberapa faktor, sekaligus memberi kesan terhadap pencapaian akademik bagi subjek ini.

Sebahagian pelajar menunjukkan prestasi yang baik walaupun tidak mempunyai pengetahuan terdahulu atau tiada pendedahan awal tentang pengurusan dan perniagaan. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa pelajar yang sukar memahami kursus ini. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis hubungan antara aliran pengajian di sekolah menengah dan keputusan Bahasa Inggeris SPM dengan prestasi akademik pelajar di peringkat pra-diploma. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak universiti dalam mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi akademik pelajar dan menambah baik kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan kursus tersebut dapat disampaikan dengan cemerlang seterusnya membawa kepada peningkatan prestasi akademik pelajar.

Kajian Literatur

Aliran semasa sekolah menengah dan prestasi akademik

Pendidikan sekolah menengah di Malaysia adalah lanjutan kepada pendidikan sekolah rendah dan terbahagi kepada pendidikan menengah rendah (Tingkatan 1 hingga 3) dan pendidikan menengah atas (Tingkatan 4 dan 5). Secara umumnya, pendidikan sekolah menengah terdiri daripada tiga (3) aliran utama iaitu Akademik Biasa, Agama, serta Teknik dan Vokasional. Sistem pendidikan di Malaysia pada masa kini mementingkan peperiksaan, misalnya peperiksaan penggal di sekolah dan peperiksaan

awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) (Abdul Aziz et al., 2021).

Pendidikan menengah rendah merangkumi para pelajar berumur 13 hingga 15 tahun (Tingkatan 1-3) dimana mereka diberi pendedahan terhadap pelbagai bidang ilmu dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Manakala, pendidikan menengah atas melibatkan para pelajar berumur 16 hingga 17 tahun (Tingkatan 4 dan 5) dan menjurus kepada aliran sastera, sains, agama, teknik, vokasional, dan kemahiran bagi menyediakan pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi atau alam pekerjaan.

Kolej Vokasional menawarkan aliran vokasional dan latihan kemahiran. Aliran vokasional menjurus kepada Sijil Vokasional Malaysia dan Diploma Vokasional Malaysia manakala latihan kemahiran menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia (MyGOV, 2024). Menurut MyGOV (2024), bidang vokasional mampu memberikan peluang kepada pelajar yang berpencapaian baik atau sederhana dalam akademik dan berminat dengan pembelajaran bercorak vokasional (berkaitan pekerjaan). Isi kandungan bidang vokasional mempunyai 70% komponen praktikal dan 30% komponen teori. Objektif aliran ini adalah untuk membantu melahirkan separa profesional (juruteknik/pembantu teknik) dalam bidang kejuruteraan dan bukan kejuruteraan. Setelah tamat pengajian, pelajar berpeluang ke universiti awam dan swasta serta institut latihan kemahiran awam dan swasta, atau terus ke alam pekerjaan.

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) merupakan sebuah institusi pendidikan Islam di Malaysia di peringkat menengah. Penubuhan SMKA seiring dengan usaha pemodenan sistem pendidikan negara dalam menambah baik sistem pendidikan Islam di sekolah-sekolah agama sesuai dengan perkembangan semasa (MoE, 2020). Antara objektif utama penubuhan SMKA adalah untuk mencapai kecermerlangan kurikulum dan kokurikulum serta melahirkan pelajar yang mengamalkan akhlak mulia.

Beberapa kajian lepas telah dijalankan bagi melihat hubungan antara aliran yang diambil oleh pelajar di sekolah menengah dan prestasi akademik mereka di universiti. Mohammad Fadzillah et al. (2020) mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi akademik dalam mata pelajaran Perakaunan dalam kalangan pelajar Pra-Diploma Perdagangan. Mereka mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara aliran yang diambil oleh pelajar di peringkat sekolah menengah dengan kecemerlangan akademik di peringkat universiti dimana pelajar yang telah mempelajari mata pelajaran Perakaunan di sekolah memperolehi prestasi yang lebih baik dalam mata pelajaran Perakaunan di universiti berbanding pelajar yang tidak pernah mempelajarinya. Dapatkan ini konsisten dengan kajian yang dijalankan oleh Muda et al. (2013) dan Ishak et al. (2008) yang menunjukkan bahawa pendedahan awal dalam bidang perakaunan dapat memberikan prestasi akademik yang lebih baik.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Mahlan et al. (2017) menunjukkan faktor pencapaian Matematik Moden semasa SPM mempengaruhi prestasi kursus Matematik semasa pembelajaran di peringkat Pra-Diploma Sains. Mereka juga mendapati terdapat banyak kesilapan asas dalam langkah pengiraan. Kajian oleh Shamsuddin et al. (2017) pula menunjukkan majoriti pelajar menggunakan kaedah yang tidak tepat yang menyebabkan mereka gagal mempermudahkan jawapan dalam menjawab soalan asas matematik. Faktor ini menjadi salah satu penyumbang kepada penurunan prestasi bagi kursus Matematik.

Keputusan Bahasa Inggeris dalam SPM dan prestasi akademik

Kajian lepas mendapati prestasi akademik di peringkat sekolah merupakan faktor utama dalam menentukan prestasi pelajar di peringkat yang lebih tinggi. Berdasarkan kajian oleh Silva et al. (2020), prestasi di peringkat sekolah merupakan faktor utama dalam menentukan kejayaan pelajar di peringkat universiti. Chigbu dan Nekhwevha (2021) dan Ishak et al. (2008) merumuskan bahawa prestasi terdahulu dalam mata pelajaran tertentu mempunyai hubungan dengan prestasi dalam mata pelajaran berkaitan di peringkat yang lebih tinggi. Mereka bersetuju bahawa gred sekolah menengah adalah faktor penting yang menentukan kejayaan akademik pada tahun pertama di peringkat pengajian tinggi. Dapatkan ini disokong oleh Fuzy et al. (2020) yang mendapati pelajar yang mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan semasa SPM kurang melakukan kesilapan

matematik berbanding mereka yang tidak mengambil mata pelajaran tersebut. Ini menunjukkan terdapat hubungan antara keputusan SPM dengan prestasi akademik pelajar di universiti.

Menurut Milton (2016), proses pengajaran dan pembelajaran serta penilaian di India digalakkan untuk dijalankan dalam Bahasa Inggeris. Penggunaan Bahasa Inggeris juga telah diperaktikkan oleh guru dan pelajar dalam aktiviti bilik darjah dan peperiksaan, dan keadaan ini memerlukan para pelajar untuk menguasainya bagi memperoleh pencapaian akademik yang baik. Selain itu, Ali et al. (2019) menyarankan agar dijalankan semakan semula dan penambahbaikan kualiti mata pelajaran Bahasa Inggeris yang diajar di sekolah rendah dan menengah. Ini kerana kebanyakkan pelajar yang mendapat kurang pendedahan terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris berkemungkinan untuk mengalami tekanan dalam akademik yang lebih tinggi akibat kurangnya keupayaan berbahasa Inggeris (Milton, 2016).

Selain itu, Aina et al. (2013) mendapati penguasaan Bahasa Inggeris mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi akademik. Mata pelajaran akademik seperti Sains, Matematik, dan Bahasa Inggeris kerap memerlukan penggunaan fungsi bahasa. Penguasaan fungsi bahasa yang tinggi juga memberikan kesan terhadap cara pelajar berfikir. Racca dan Lasaten (2016) turut bersetuju bahawa semakin tinggi penguasaan Bahasa Inggeris pelajar, lebih besar kemungkinan mereka untuk memperoleh prestasi yang baik dalam mata pelajaran akademik. Selain itu, kajian oleh Omran dan Saleh (2019) mendapati terdapat hubungan antara tekanan dan prestasi akademik. Ini dibuktikan oleh prestasi akademik rendah yang ditunjukkan oleh responden yang mempunyai kurang penguasaan terhadap Bahasa Inggeris.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan deskriptif. Seramai 121 orang pelajar yang mengikuti program Pra-Diploma Perdagangan di UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka telah dipilih sebagai sampel kajian ini. Data kajian diperoleh melalui soal selidik yang dihantar menggunakan platform Google Forms. Bagi menjawab objektif kajian, semua item dalam soal selidik tersebut berkaitan dengan profil demografi responden seperti jantina, asal, aliran yang diambil semasa di peringkat sekolah menengah, dan keputusan Bahasa Inggeris di peringkat SPM. Selain itu, gred ujian pelajar untuk kursus ini diperoleh dari pangkalan data Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar. Bagi memudahkan proses analisis, markah ujian pelajar telah dikod semula mengikut kategori tertentu menggunakan skala 1 hingga 5. Nombor kod semula yang lebih tinggi menunjukkan semakin tinggi markah yang diperoleh oleh pelajar. Jadual 1 menunjukkan penunjuk skor dan kod baharu untuk analisis selanjutnya.

Jadual 1. Ringkasan skala baharu untuk gred markah ujian pelajar bagi subjek MGT028

Kod semula kepada skala baharu	Markah	Gred
1	<50	Gagal (C-, D+, E, F)
2	50-64	Lulus (B-, C, C+)
3	65-74	Lulus dengan Kepujian (B, B+)
4	75-79	Cemerlang (A-)
5	80-100	Sangat Cemerlang (A, A+)

Analisis deskriptif telah dijalankan untuk menganalisis data dengan menggunakan perisian SPSS versi 28. Selain itu, perkaitan antara faktor ramalan utama terhadap prestasi akademik dianalisis menggunakan Ujian Khi Kuasa Dua Pearson (Pearson's Chi-Squared Test). Ujian ini bersifat bukan parametrik dan digunakan untuk menguji sama ada dua pemboleh ubah kategori berkaitan antara satu sama lain.

Analisis Keputusan dan Perbincangan

Profil Demografi Responden

Jadual 2. Profil Demografi Responden

Pemboleh Ubah		Nilai Pemboleh Ubah	Kekerapan	Peratusan (%)
1 Jantina	Lelaki		54	44.6
	Perempuan		67	55.4
	Jumlah		121	100.0
2 Asal	Pantai Timur		36	29.8
	Pantai Selatan		1	.8
	Pantai Barat - Zon Utara		2	1.7
	Pantai Barat - Zon Tengah		82	67.8
Jumlah			121	100.0
3 Aliran Semasa SPM	Perdagangan/Ekonomi		69	57.0
	Sains Tulen		13	10.7
	Agama		5	4.1
	Sastera/Seni		34	28.1
	Jumlah		121	100.0
3 Keputusan BI SPM	Lulus (C-, D+, E)		49	40.5
	Lulus Atas (B-, C, C+)		32	26.4
	Lulus dengan Kepujian (B, B+)		31	25.6
	Cemerlang (A-)		4	3.3
	Sangat Cemerlang (A, A+)		5	4.1
	Jumlah		121	100.0
4 Minat Terhadap Subjek Pengurusan	Sangat Berminat		30	24.8
	Berminat		47	38.8
	Tidak Pasti		37	30.6
	Tidak Berminat		6	5.0
	Sangat Tidak berminat		1	0.8
	Jumlah		121	100.0
6 Keputusan Ujian MGT028	Gagal (C-, D+, E, F)		29	24.0
	Lulus (B-, C, C+)		73	60.3
	Lulus dengan Kepujian (B, B+)		14	11.6
	Cemerlang (A-)		2	1.7
	Sangat Cemerlang (A, A+)		3	2.5
	Jumlah		121	100.0

Jadual 2 menunjukkan majoriti responden adalah perempuan dengan 55.4% dan hanya 44.6% responden lelaki yang menyertai kajian ini. Majoriti responden (67.8%) berasal dari Pantai Barat (Zon Tengah) yang meliputi Selangor, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, dan Putrajaya, diikuti Pantai Timur (29.8%) yang terdiri daripada negeri Pahang, Terengganu, dan Kelantan. Hanya seorang pelajar (0.8%) berasal dari Pantai Selatan iaitu Johor. Kebanyakan responden mengambil aliran Perdagangan/Ekonomi semasa di peringkat SPM (57%), diikuti aliran Sastera/Seni (28.1%), Sains Tulen (10.7%), dan Agama (4.1%). Berdasarkan keputusan Bahasa Inggeris di peringkat SPM, majoriti responden lulus dengan mendapat gred C-, D+, dan E (40.5%). Ini diikuti oleh mereka yang lulus (26.4%), lulus dengan kepujian (25.6%), dan hanya sedikit pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang (1.7%) dan sangat cemerlang (2.5%) bagi subjek Bahasa Inggeris di peringkat SPM.

Majoriti responden menunjukkan minat terhadap subjek pengurusan iaitu melebihi 60% manakala 30.6% tidak pasti sama ada berminat atau tidak berminat dengan subjek pengurusan. Hanya 5.8% responden tidak berminat dengan subjek pengurusan. Bagi keputusan ujian subjek MGT028, majoriti responden lulus sahaja dengan mendapat gred B-, C, dan C+ (60.3%). Ini diikuti oleh hampir 30% responden yang gagal dalam ujian ini dan hanya sebilangan kecil responden yang cemerlang (4.2%) dengan mendapat gred A- dan ke atas.

Hubungan Antara Aliran dan Prestasi Akademik Pelajar Universiti

Jadual 3. Hubungan Antara Aliran dan Prestasi Akademik Pelajar Universiti

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	7.840 ^a	12	.798
Likelihood Ratio	8.555	12	.740
Linear-by-Linear Association	1.044	1	.307
N of Valid Cases	121		

a. 14 cells (70.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .08.

Berdasarkan Jadual 3, keputusan ujian Chi-Square menunjukkan nilai Pearson Chi-Square adalah 7.840 dengan $p=0.798$. Pada aras keertian 0.05 (tahap signifikan $p<0.05$), dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat hubungan antara aliran yang diambil oleh pelajar semasa di peringkat sekolah menengah dengan prestasi akademik pelajar di universiti. Ini kerana nilai aras keertian $p=0.798$ melebihi 0.05. Walaupun majoriti responden mengambil aliran perdagangan/ekonomi semasa di sekolah menengah, ia tidak membantu meningkatkan pencapaian akademik mereka dalam subjek Pengenalan kepada Perniagaan. Ini berkemungkinan besar kerana pelajar sukar memahami termin-termin dalam Bahasa Inggeris yang digunakan dalam subjek MGT028 selain perlu menghafal banyak termin, konsep, dan definisi penting. Selain itu, latar belakang akademik pelajar juga mempengaruhi kesukaran mereka untuk memahami subjek yang diajar di peringkat pra-diploma. Kebanyakan pelajar yang diambil untuk mengikuti program Pra-Diploma Perdagangan ini mempunyai tahap kecemerlangan akademik yang kurang memuaskan dan sebenarnya mereka diberi peluang kedua untuk belajar di peringkat yang lebih tinggi. Dapatkan kajian ini bertentangan dengan hasil kajian oleh Mohammad Fadzillah et al. (2020) yang menunjukkan hubungan signifikan antara aliran yang diambil oleh pelajar di peringkat sekolah menengah dengan kecemerlangan akademik di peringkat universiti.

Hubungan Antara Keputusan Bahasa Inggeris di Peringkat SPM dan Prestasi Akademik Pelajar Universiti

Jadual 4. Hubungan Antara Keputusan Bahasa Inggeris di Peringkat SPM dan Prestasi Akademik Pelajar Universiti

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	96.763 ^a	44	.000
Likelihood Ratio	49.933	44	.249
N of Valid Cases	121		

a. 53 cells (88.3%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .02.

Berdasarkan Jadual 4, keputusan ujian Chi-Square menunjukkan nilai Pearson Chi-Square adalah 96.763 dengan $p=0.000$. Pada aras keertian 0.05 (tahap signifikan $p<0.05$), dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara keputusan Bahasa Inggeris di peringkat SPM dan prestasi akademik pelajar di universiti. Ini kerana nilai aras keertian $p=0.000$ kurang daripada 0.05. Jika dilihat

dalam Jadual 2 di atas, majoriti responden yang diterima masuk kedalam program pra-diploma ini hanya memperolehi keputusan lulus bagi subjek Bahasa Inggeris di peringkat SPM. Tidak ramai responden yang mendapat keputusan cemerlang dalam ujian bagi subjek MGT028 iaitu hanya seramai 5 orang pelajar atau 4.2% sahaja, dan majoriti pelajar (60.3%) hanya sekadar lulus dengan mendapat gred B-, C+, dan C pada ujian akhir.

Ini membuktikan bahawa keputusan Bahasa Inggeris sangat mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar di peringkat universiti. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor penguasaan Bahasa Inggeris yang agak lemah dalam kalangan pelajar Pra-Diploma Perdagangan. Kebanyakan proses pengajaran dan pembelajaran di UiTM menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, termasuk bahan-bahan rujukan seperti buku teks, nota, slaid PowerPoint, serta soalan ujian dan peperiksaan. Penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah berkemungkinan menyukarkan pelajar untuk memahami subjek yang diajar dengan lebih mendalam dan berkesan. Selain itu, faktor inisiatif pelajar untuk memperbaiki tahap penguasaan Bahasa Inggeris mereka juga menyumbang kepada perkara ini. Ramai pelajar agak malu dan kurang berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Malah, kebanyakan pensyarah terpaksa menterjemah apa yang diajar ke dalam Bahasa Melayu bagi membantu pemahaman pelajar tentang ilmu yang disampaikan. Dapatkan ini selari dengan kajian yang dibuat oleh Omran dan Saleh (2019) dimana terdapat hubungan yang signifikan antara keputusan Bahasa Inggeris pelajar dan kecemerlangan akademik mereka di peringkat universiti.

Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara aliran yang diambil di peringkat sekolah menengah dan keputusan Bahasa Inggeris di peringkat SPM dengan prestasi akademik pelajar di universiti. Hasil kajian menunjukkan bahawa aliran yang diambil di peringkat sekolah menengah tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi akademik pelajar dalam kursus MGT028. Walau bagaimanapun, terdapat hubungan yang signifikan antara keputusan Bahasa Inggeris di peringkat SPM dengan prestasi akademik pelajar di universiti. Ini membuktikan bahawa semakin tinggi tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar di peringkat sekolah menengah, semakin cemerlang keputusan akademik mereka di peringkat universiti. Hal ini mungkin disebabkan oleh penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di UiTM. Berdasarkan kajian ini, tidak ramai pelajar yang memperolehi keputusan cemerlang dalam ujian subjek MGT028 memandangkan majoriti responden tidak menunjukkan rekod pencapaian Bahasa Inggeris yang cemerlang di peringkat SPM. Oleh itu, kajian masa depan harus mengambil kira ciri-ciri personaliti kerana personaliti introvert dan ekstrovert boleh mempengaruhi prestasi akademik (Samuel et al., 2020). Hasil kajian tersebut yang dibuat terhadap pelajar sekolah menengah di Nigeria mendapati pelajar yang mempunyai personaliti introvert tidak menunjukkan prestasi yang cemerlang di dalam subjek Bahasa Inggeris kerana malu dan tidak yakin untuk berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris walaupun sesama rakan mereka. Jadi faktor ini mungkin boleh diambil perhatian oleh penyelidik di negara ini pada masa akan datang untuk memastikan sama ada terdapat perbezaan dengan hasil keputusan kajian tersebut.

Daripada segi batasan kajian, kajian ini hanya terhad kepada pelajar Pra-Diploma Perdagangan UiTM Cawangan Pahang Kampung Jengka. Oleh itu, kajian akan datang harus melibatkan pelajar yang mengambil kursus ini di UiTM cawangan lain supaya hasil dapat boleh digeneralisasikan. Walaupun terdapat batasan ini, kajian ini menawarkan implikasi penting. Pertama, ia diharapkan dapat memberi gambaran kepada mahasiswa khususnya pelajar pra-diploma untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris demi mencapai kecemerlangan akademik. Hal ini penting agar mereka bersedia untuk menghadapi dan menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu kerana proses pengajaran dan pembelajaran di universiti sama sekali berbeza dengan sekolah menengah. Kedua, ia dapat menyediakan garis panduan dan mekanisme kawalan khususnya kepada pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan kursus tersebut dapat disampaikan dengan cemerlang yang akan membawa kepada peningkatan prestasi akademik pelajar. Akhir sekali, ia diharap dapat membantu pengurusan universiti dalam mengenal pasti pelajar yang berpotensi untuk menyertai program pra-diploma ini agar mereka dapat bersaing dan mencapai kecemerlangan akademik di

peringkat universiti setanding dengan pelajar lain yang dipilih berdasarkan merit supaya pembaziran daripada segi masa, tenaga, dan kos dapat dikurangkan.

Rujukan

- Abdul Aziz, A. R., Mohd Nasir, M. A., Sawai, R. P., Shafie, A. A.-H., & Che Amat, M. A. (2021). The Influences of Self-Concept on Academic Achievement of University Students. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(44), 111–123. <https://doi.org/10.35631/ijepc.644009>
- Aina J.K, Ogundele A.G., & Olanipekun S.S. (2013). Students' proficiency in English language relationship with academic performance in science and technical education. *American Journal of Educational Research*, 1(9), 355-358
- Ali F., Lemma H., & Motabaynor D. (2019). The Role of English Language Proficiency as Determinant of PGDT Candidate Academic Performance Across Selected Public Universities of Ethiopia. *International Journal of Secondary Education*, 7(4), 107-115.
- Chigbu, B. I., & Nekhwevha, F. (2021). High school training outcome and academic performance of first-year tertiary institution learners - Taking “Input-Environment-Outcomes model” into account. *Heliyon*, 7(7), e07700. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2021.e07700>
- Fuzi, F. S., Wan Hassan, W. H., Zainudin, S. N., Jama, S. R., Zahidi, N. E. and Abdul Halim, B. (2020). Moderating Effects of Additional Mathematics' Achievement During SPM on the Relationship Between Performance in Modern Mathematics and Mathematical Errors Occurrences: A Case Study of MDAB Students in UiTM Melaka. *ASM Science Journal*, 13.
- Ishak, Z., Abdul Manaf, N. A., Mat Zin, R. (2008). Faktor Penentu Prestasi Pelajar Matrikulasi Dalam Subjek Perakaunan, Universiti Utara Malaysia, *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 5, 99-115.
- Julaihi, N.H., Mohamadin, M.I., Mohamed, B.N. & Karim, M. (2017). MDAB Programme is a Waste of Money? *Social and Management Research Journal*, 14 (2). 89-107.
- Mahlan, S.B., Abdul Razak, N.A., Shamsuddin, M. & Alia, F.A. (2017). Kesalahan Pelajar dalam Asas Matematik: Kajian Kes Pelajar Pra Diploma Perdagangan, UiTM Cawangan Pulau Pinang. *International Academic Research Journal of Social Science*, 3(1), 179-185.
- Majid, S.K. & Johan, R. (2018). Penilaian Prestasi Pelajar MDAB yang Mengikuti Program Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat, UiTM Pahang: Satu Kajian Kes. Gading (Online) *Journal for Social Sciences*, 22.
- Milton C. (2016). A Study to Assess English Language Related Academic Stress among Students Who Have Moved to English Medium from Vernacular Medium. *Language in India*, 16(5), 8-17.
- MoE. (2020). Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)-Aliran Agama. Ministry of Education.
- Mohammad Fadzillah, N.S., Jamaluddin, J., Nias Ahmad, M.A., Mohd Din, N., & Abdul Jabar, F. (2020). Factors Affecting Student Performance in Accounting Subject: A Case of Pre-Diploma Students. *GADING (Online) Journal for Social Sciences*, 23(01), 60-64.
- Mohd Zain, W.Z.W. (2020). Jom Masuk IPT: Program Pra Pendidikan Tinggi. *UiTM News Hub*. Retrieved from <https://news.uitm.edu.my/jom-masukiptprogram-pendidikan-tinggi/>
- Muda S, Hussin AH, Johari H, Sapari JM, Jamil N (2013) The key contributing factors of non-accounting students' failure in the introduction to financial accounting course. *Procedia –Social and Behavioral Sciences*, 90, 712 – 719.
- MyGOV. (2024). Memasuki Kolej Vokasional. MyGovernment.
- Omran A. & Saleh M.H.H (2019). Factors Affecting the Academic Performance of Students at Academic Institution. *International Journal of Recent Research and Applied Studies*, 40(1), 1-8.
- Racca R.M.A.B. & Lasaten R.C.S (2016). English Language Proficiency and Academic Performance of Philippine Science High School Students. *International Journal of Languages, Literature and Linguistics*, 2(2), 44-49.

- Samuel, J.G., Adeogun, R.O., & Asokere, S.I. (2020). Influence of Personality Traits on English Language Performance of Secondary School Students in Oyo. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 15(7), 350-355.
- Shamsuddin, M., Abdul Razak, N.A., Mahlan, S.B. & Alias, F.A. (2017). Pola kesalahan asas matematik dalam kalangan pelajar pra diploma sains UiTM Cawangan Pulau Pinang. *International Academic Research Journal of Social Science* 3(1), 186-194.